

PANDUAN CUTI SEPARUH GAJI MENGIKUTI PENGAJIAN

1. Kemudahan Cuti Belajar Separuh Gaji yang disediakan adalah untuk pegawai dalam Kumpulan **Pelaksana** yang ingin mengikuti kursus yang menuju kepada pengurniaan Diploma atau Ijazah yang melayakkan mereka masuk ke perkhidmatan yang lebih tinggi.

Syarat-syarat Cuti Tanpa Gaji Mengikuti Pengajian:

- (a) Mengikuti pengajian di peringkat Diploma atau ijazah Pertama dalam bidang yang diperlukan oleh Jabatan atau perkhidmatan pegawai dan bersesuaian dengan kelayakan asas yang dimiliki.
- (b) Pegawai hendaklah berada di dalam perkhidmatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (c) Pegawai telah berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dengan UKM dan 5 tahun bagi Jururawat di PPUKM;
- (d) Pegawai hendaklah mempunyai Laporan Nilai Prestasi tahunan (LNP) (markah melebihi 80% bagi 2 tahun kebelakangan) dan Laporan Prestasi Khas (jika ada) yang baik dan diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- (e) Pegawai telah pun mendapat tempat di Universiti/Institusi yang diiktiraf dan akan mengikuti kursus yang diiktiraf bagi tujuan lantikan ke dalam perkhidmatan Kerajaan;
- (f) Pegawai hendaklah mempunyai keupayaan untuk membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus yang hendak diikuti;
- (g) Pegawai hendaklah belum mencapai umur 40 tahun dari tarikh memulakan pengajian;
- (h) Ketua Jabatan bersedia melepaskan pegawai mengikuti kursus; dan
- (i) Pegawai bebas daripada ikatan perjanjian berkhidmat dengan Kerajaan atau Universiti, atau jika terikat, telah mendapat kelulusan penggantungan perjanjian.